



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**IMPLIKATUR DALAM UJARAN WATAK DALAM FILEM SENIMAN
AGUNG P. RAMLEE**

**MUSTAFA BIN ATAN
FBMK 2010 14**

DEDIKASI

Khas buat:

*Isteriku Mariam Abang Abdullah
Anak-Anakku Siti Munirah, Mohd Haziq, Mohamad Hazwan,
Rakan dan Taulan Yang Sentiasa Meniupkan Api Semangat,
Untuk ku Terus Berjuang*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**IMPLIKATUR DALAM UJARAN WATAK DALAM FILEM SENIMAN AGUNG
P. RAMLEE**

Oleh

MUSTAFA BIN ATAN

Februari 2010

Pengerusi : Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis implikatur dalam ujaran watak filem Seniman Agung P. Ramlee. Dalam menganalisis implikatur yang dijadikan bahan kajian, pengkaji menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1995). Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti penggunaan implikatur,dalam filem, mengenalpasti fungsi implikatur dalam filem untuk menyampaikan mesej dalam bahasa dan budaya Melayu dan membincangkan keberkesanan penggunaan implikatur dalam menonjolkan aspek bahasa dan budaya Melayu. Ujaran-ujaran yang mempunyai makna implisit atau makna yang tidak digambarkan oleh kata-kata yang membina ujaran tersebut telah dipetik sebagai data kajian

Penganalisisan terhadap implikatur yang dikaji mencakupi aspek kesantunan berbahasa masyarakat Melayu dalam menyampaikan nasihat, mencabar, menyatakan kekesalan menyindir dan mengejek. yang disampaikan secara

tidak langsung kepada pendengar.. Seseorang yang mengamalkan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi dipandang tinggi oleh masyarakat Melayu.

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dibuat rumusan bahawa ujaran yang dituturkan dalam filem yang dikaji mempunyai makna yang berlapik atau tersirat. Hal ini sesuai dengan budaya masyarakat Melayu yang tidak menyampaikan hasrat dan keinginan mereka secara berterus terang.

Hasil kajian menunjukkan masyarakat Melayu menggunakan pelbagai bentuk bahasa dalam ujaran-ujaran yang bertujuan untuk menyampaikan mesej atau maksud seperti pernyataan yang berlebihan, bahasa sindiran, bahasa kiasan, metafora dan ketidak sesuaian mengikut konteks. Hasil kajian juga mendapati konteks, kesan konteks dan kos memproses maklumat adalah penting untuk memastikan mesej yang disampaikan berjaya disingkap oleh pendengar.

Abstract of this thesis is presented to the Senate of University Putra Malaysia
as a fulfillment of requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THE IMPLICATURE IN THE UTTERANCES OF P. RAMLEE'S FILM

By

MUSTAFA BIN ATAN

February 2010

Chairman : Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah,Ph.D

Faculty : Modern Languages and Communication

The research is carried out to look at the usage of implicatures of a well known Malaysian actor P. Ramlee. In analyzing this implicature, the researcher uses the approach of Relevance Theory by Sperber and Wilson (1995). The objective of this study is to identify the use of implicatures in films and its functionality in conveying the message in the Malay language. It is also used to discuss its effectiveness to highlight the aspects of the Malay language and culture. The utterances which contain implicit meaning or meanings which are not reflected in the words is being used as this research data.

Analysing the implicatures include the politeness of the Malay society to advise, to challenge, to dignify, to show regretfulness, to tease, to insinuate the listener indirectly. In the Malay society, one who practices language politeness will be highly respected.

Based on the result of this research, it can be concluded that utterances in the film contain different explicit or implicit meanings. This suits the Malay Society and it is a common phenomenon whereby their intentions and desires are delivered indirectly.

This research has shown the various ways of using language by the Malay Society in conveying their messages. The outcome of this research too has shown that the context, contextual effects and the costs of processing the information is important in determining the message conveyed is clearly understood by the listener.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang
Salawat dan Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan limpah kurnia-Nya dapat menyempurnakan tesis ini. Tesis ini amat penting sebagai memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Kedoktoran (PhD) daripada Universiti Putra Malaysia.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi perhargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah selaku pengerasi penyelia, Dr. Arbaie Bin Sujud, dan Dr. Mohd Zariat Bin Abdul Rani selaku penyelia bersama yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya bimbingan dan tunjuk ajar yang tuan dan puan berikan selama pengajian saya amatlah saya hargai.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak pengurusan Perpustakaan UPM, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, pengurusan Perpustakaan Universiti Malaya, pengurusan Perpustakaan Universiti Kebangsaan dan Perpustakaan Awam Negeri Melaka kerana memberikan kerjasama dan komitmen yang baik untuk saya mendapatkan bahan-bahan rujukan untuk tujuan penulisan tesis ini.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan kepada En Teo Soon Tin, Penolong Pengarah Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti

Putrajaya yang sentiasa memberi semangat kepada saya untuk meneruskan pengajian sehingga berjaya. Ucapan terima kasih tidak terhingga saya tujukan kepada En Hussin Bin Sarif dari IPGM Batu Pahat yang tidak jemu-jemu meniupkan api semangat untuk berjuang bersama dan rakan taulan yang jemu-jemu memberikan nasihat dan kata-kata semangat agar perjuangan ini diteruskan. Sesungguhnya jasa baik dan budi tuan akan saya ingati buat selama-lamanya.

Akhirnya, ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan kepada isteri saya Mariam Abang Abdullah dan anak-anak yang sentiasa memberikan semangat dan sokongan kepada saya untuk meneruskan pengajian sehingga berjaya. Sesungguhnya kalian semua adalah pemangkin kejayaan saya.

Terima kasih untuk semuanya. Semoga Allah jua yang membala segala jasa baik kalian.

Wassalam.

Mustafa Bin Atan
GS 15635

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 24 Februari 2010 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mustafa Bin Atan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk ‘ “Implikatur Dalam Ujaran Watak Dalam Filem Seniman Agung P. Ramlee” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia.[P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Hashim Bin Haji Musa, PhD

Professor

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Ahmad Mahmood Bin Musanif, PhD

Profesor Madya,

Jabatan Bahasa Melayu,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Abdul Rashid Bin Daeng Melebek, PhD,

Jabatan Bahasa Melayu,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Teo Kok Seong, PhD

Profesor

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ITMA)

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 20 Mei 2010

Tesis ini diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie Bin Sujud, PhD
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd Zariat Abdul Rani, PhD
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI ,PhD
Profesor Dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Jun 2010

PERAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis ini. Saya juga mengakui tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi pengajian yang lain.

(Mustafa Bin Atan)

Tarikh: 20 April 2010

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|----------------------|-----|
| DEDIKASI | ii |
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | v |
| PENGHARGAAN | vii |
| PENGESAHAN | ix |
| PERAKUAN | xi |
| SENARAI RAJAH | xiv |

BAB

| | |
|--|----|
| I PENDAHULUAN | 1 |
| Latar Belakang Kajian | 1 |
| Penyataan Masalah | 18 |
| Objektif Kajian | 28 |
| Kepentingan Kajian | 28 |
| Bahan-Bahan Kajian | 31 |
| Batasan Kajian | 31 |
| Definisi Operasional | 33 |
| Makna Implikatur | 33 |
| Pragmatik | 34 |
| Makna Ujaran | 34 |
| Filem Melayu | 35 |
| Kesimpulan | 35 |
| | |
| II SOROTAN LITERATUR | 37 |
| Pengenalan | 37 |
| Kajian oleh Pengkaji-Pengkaji Barat | 37 |
| Kajian oleh Pengkaji-Pengkaji Tempatan | 50 |
| Kesimpulan | 63 |
| | |
| III METODOLOGI | 65 |
| Pengenalan | 65 |
| Reka Bentuk Kajian | 66 |
| Konsep dan Kerangka Teori | 67 |
| Pendekatan Kajian | 82 |
| Kaedah Kajian | 83 |
| Kajian Pustaka | 83 |
| Analisis Data | 83 |
| Kerangka Konsepsi Kajian | 86 |

| | | |
|-----------|--|-----|
| IV | DAPATAN DAN PERBINCANGAN | 87 |
| | Persembahan Dapatan | 87 |
| | Objektif 1: Mengenal pasti Penggunaan Implikatur Dalam Filem Melayu P. Ramlee | 87 |
| | Objektif 2: Mengenal pasti fungsi implikatur Dalam Dialog Filem Untuk Menyampaikan Mesej Dalam Bahasa Dan Budaya Melayu | 167 |
| | i. Menyatakan sindiran | 168 |
| | ii. Menyampaikan pendidikan/nasihat | 172 |
| | iii. Meluahkan kekesalan | 181 |
| | iv. Mengejek | 186 |
| | Objektif 3 : Membincang keberkesanan penggunaan implikatur dalam menonjolkan aspek bahasa dan budaya Melayu | 189 |
| | Kesimpulan | 195 |
| | Rasional Teori Kepada Dapatan Kajian | 195 |
| | Implikasi Dapatan Kajian | 197 |
| V | RUMUSAN DAN CADANGAN | 199 |
| | Rumusan | 199 |
| | Cadangan Kajian | 212 |
| | Penutup | 214 |
| | RUJUKAN | 216 |
| | BIODATA PENULIS | 230 |
| | Lampiran A | |
| | Lampiran B | |
| | Lampiran C | |

SENARAI RAJAH

muka surat

Rajah

| | |
|--|----|
| 1: Proses Menentukan Makna Ujaran Dari Sudut Relevans | 71 |
| 2: Kerangka Konsepsi | 86 |

BAB I

PENDAHULUAN

Latar belakang kajian

Implikatur ialah aspek ketersiratan makna sesuatu ujaran selain melihat hajat sebenar si penutur terhadap ujaran yang disampaikan. Menurut Nor Hashimah (1992:677), implikatur dalam erti kata yang mudah ialah mesej yang tersirat yang disampaikan oleh penutur dalam perbualan. Mesej yang diperoleh merupakan apa-apa yang dideduksikan daripada apa-apa yang diperkatakan. Implikatur merupakan satu aspek penting dalam bidang pragmatik, iaitu bidang yang mengkaji hubungan bahasa dengan konteks. Carston (1988) menyatakan implikatur ialah mengenai mesej yang tersirat yang cuba disampaikan dengan ujaran yang tersurat. Implikatur melibatkan apa-apa yang diujarkan secara eksplisit dan juga apa-apa yang dilahirkan secara implisit (Nor Hashimah, 2003 66).

Terdapat dua jenis implikatur, iaitu implikatur konvensional dan implikatur tidak konvensional. Implikatur konvensional atau lazim adalah sesuatu yang biasa antara penutur dalam masyarakat yang sama yang berkongsi maklumat dan pengalaman. Implikatur tidak konvensional bergantung kepada konteks tertentu.

Istilah implikatur menjadi popular setelah diperkenalkan oleh Grice. Menurut Grice (1975), implikatur ialah satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal sesbuah ayat. Implikatur perbualan dianggap sebagai kenyataan yang harus diambil kira oleh pendengar tentang sesuatu yang ingin disampaikan oleh seorang penutur kepada pendengar dengan membuat andaian-andaan. Katakan A dan B memikirkan tentang kawan mereka, iaitu C yang bekerja di sebuah bank. A bertanya kepada B bagaimana keadaan kerja C dan B menyatakan keadaan C agak baik dan dia menyukai rakan setugas serta belum dipenjarakan. Contoh yang paling mudah diberikan oleh Grice (1975:43) untuk menerangkan implikatur adalah seperti yang berikut;

Suppose that A and B are thinking about a mutual friends, C, who is now working in a bank. A ask B how C is getting on in his job, and B replies,

B: Oh quite well, I think, he likes his colleagues and he hasn't been to prison yet

Grice seterusnya menjelaskan bahawa nyata sekali yang diimplikasikan oleh B daripada contoh di atas berbeza sekali daripada yang diperkatakan oleh B sendiri. Implikatur perbualan yang diperoleh daripada ujaran di atas sebenarnya berbekalkan konteks yang difahami oleh kedua-dua A dan B. Sebenarnya, yang cuba disampaikan oleh B ialah C telah berubah sikap dan mula tidak jujur dalam pekerjaannya.

Konsep implikatur yang dikemukakan oleh Grice adalah berkait rapat dengan prinsip saling bekerjasama (*co-operative principles*) yang

mempunyai empat maksim, iaitu maksim kualiti, maksim kuantiti, maksim hubungan (*be relevant*) dan maksim kelakuan (*be perspicuous*) / cara. Menurut Grice, apabila kita berhubung melalui perantaraan bahasa, keempat-empat maksim perlu dipatuhi. Apabila seseorang penerima atau pendengar mengesan berlaku ketidakpatuhan terhadap maksim, beliau perlu merujuk kepada implikatur untuk mengupayakannya mendapat makna sebenar yang cuba disampaikan oleh penutur.

Konsep implikatur yang dikemukakan oleh Grice mendapat sambutan dan menarik perhatian ramai ahli pragmatik untuk sama-sama membincangkan implikatur dengan lebih mendalam. Antaranya ialah Gerald Gazdar (1979) yang menyatakan implikatur merupakan satu bentuk proposisi yang diimplikasikan oleh ujaran bagi ayat yang berkonteks, walaupun proposisi itu bukan merupakan sebahagian daripada atau percakupan daripada yang sedang diperkatakan. Menurut Carston (1988), implikatur adalah mengenai mesej yang tersirat yang cuba disampaikan melalui ujaran yang tersurat. Implikatur melibatkan apa-apa yang diujarkan secara eksplisit dan juga apa-apa yang dilahirkan secara implisit (Nor Hashimah, 2003 : 66).

Seterusnya implikatur dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu:

- (a) Implikatur khusus – ada faktor istimewa yang dimiliki dalam konteks ujaran dan selalunya tidak hadir secara terang dalam ayat yang diujarkan.

Contohnya:

A: Nak tengok wayang?

B: Ada kuliah

Apa yang diimplikasikan ialah:

Tidak mahu.

(b) Implikatur umum – penggunaan sesetengah perkataan dalam ujaran akan selalu (walaupun tanpa kehadiran persekitaran yang istimewa) membawa implikatur tertentu atau jenis implikatur.

Contohnya :

A: Ali Bujang

Menurut Carston lagi, jika satu-satu perkataan itu kabur dan maknanya hanya akan diketahui melalui konteks, maka ayat itu dianggap sebagai implikatur umum. Makna bujang hanya akan diketahui maknanya secara tepat berdasarkan konteks sahaja.

Gazdar (1979) telah menggariskan lima ciri utama dalam menentukan implikatur iaitu:

- a) Bukan merupakan sebahagian daripada yang diujarkan.
- b) Bersifat peka konteks dan mempunyai ciri boleh dibatalkan.
- c) Tidak boleh digantikan dengan ungkapan lain jika maksud asal implikatur lari kecuali, jika pengganti ujaran itu membawa makna yang sama.
- d) Tidak boleh mempunyai syarat benar yang sama, jika ayat (1) salah dan mencakup ayat (2), bermakna ayat (2) juga salah maka ayat (2)

tidak boleh dianggap sebagai implikatur kerana implikatur tidak mengizinkan proses pencakupan berlaku.

- e) Satu ayat boleh mempunyai lebih daripada satu interpretasi dan menghasilkan ketidaktentuan interpretasi (Faktor ini jarang dibincangkan berbanding dengan 4 faktor di atas)

Sperber dan Wilson (1988) turut membincangkan implikatur dan telah menunjukkan cara penghuraian implikatur dengan teratur. Mereka telah memberikan cara pembentukan deduksi yang boleh menyelesaikan masalah interpretasi implikatur. Mereka juga menekankan rasionalnya berimplikatur.

Bersandar kepada pengertian yang dikemukakan oleh Grice (1975), Gazdar (1979) dan Carston (1988), dapatlah dikatakan bahawa implikatur adalah sesuatu makna atau mesej yang implisit (tersirat) dalam sesuatu perbualan dan penting dalam ilmu pragmatik. Implikatur juga signifikan dalam menghuraikan fungsi-fungsi bahan-bahan atau rencana linguistik.

Implikatur mampu memberi gambaran yang jelas tentang cara seseorang menyampaikan makna yang lebih mendalam tentang sesuatu yang diujarkan. Contohnya dalam ujaran berikut:

- A : anda mahu *nescafe* lagi?
B : *nescafe* akan membuatkan saya jaga.

Berdasarkan ujaran, Si B mengimplikasikan yang dia tidak mahu *nescafe* lagi (atau dalam sesetengah keadaan, menunjukkan dia mahu) dengan

alasan *nescafe* akan membuatkan dia tidak dapat tidur. Justeru itu, dapat dikatakan juga tujuan implikatur adalah untuk mendekatkan lagi soalan dengan jawapan.

Dengan sifatnya yang tersirat, implikatur mempunyai sifat kebarangkalian yang tidak memungkinkan seseorang itu mengetahui secara pasti sesuatu yang dimaksudkan oleh penutur dengan ujarannya. Semua ujaran terlebih dahulu ditentukan oleh konteks. Oleh itu, untuk mengenal pasti implikatur dalam sesuatu ujaran, pihak pendengar perlu bijak membuat andaian-andaian, seterusnya membuat kesimpulan berdasarkan pemahaman pendengar tentang mesej setelah mengambil kira konteks tertentu semasa sesuatu ujaran dituturkan.

Dalam membicarakan hal yang sama, Grice telah mengemukakan prinsip kerjasama (*cooperative principle*) dalam perbualan yang dapat dijadikan panduan umum bagi sesuatu ujaran agar dapat difahami oleh pendengar. Perbualan pada kebiasaannya tidak mengandungi halangan dan ketidakakuratan dan adalah tidak rasional jika berlaku sedemikian. Hal ini disebabkan wujudnya usaha kerjasama oleh peserta perbualan, mengenali satu sama lain dan memahami sesuatu keperluan atau set-set keperluan.

Menurut beliau:

"Our talk exchanges do not normally consist a succession of disconnected remarks, and would not be rational if they did. They are characteristically, to some degree at least, cooperative efforts, and each participant recognizes in them to some extent, a common

purpose or set of purposes, or at least a stage, some possible conversational moves would be excluded as conversationally unsuitable.”

Jika maksim-maksim yang dikemukakan oleh Grice dalam prinsip kerjasamanya dilanggar, pasti wujud implikatur dalam perbualan tersebut. Sebelum mentafsir perbualan berkenaan, si pendengar hendaklah menganggap bahawa penutur masih mematuhi maksim-maksim tersebut untuk membolehkan pendengar mendapat makna sebenar. Manakala si penutur perlu memastikan bahawa si pendengar sememangnya menyedari bahawa apa-apa yang diujarkan itu tidak ditafsir secara literal (memahami makna luaran ujaran sahaja), untuk mengelakkan peristiwa proses komunikasi atau perbualan antara penutur dan pendengar tidak kesampaian.

Kesantunan Melayu merupakan kesantunan yang memancarkan nilai-nilai asas adat dan budaya Melayu yang berpunca dari ajaran Islam. Kesantunan mencakupi aspek bahasa ketika berkomunikasi. Penggunaan bahasa sopan santun dan berbudi bahasa memang sudah ada dalam budaya Melayu dan diwarisi sejak turun temurun dari satu generasi ke satu generasi yang lain sebagai warisan budaya yang sentiasa dipelihara. Dalam perbualan antara penutur dan pendengar, budaya sopan santun sangat penting untuk memelihara hubungan antara dua pihak dan memelihara agar perbualan dapat berterusan dalam keadaan yang selesa (Ahmad Mahmood Bin Musanif, 2007:4).

Oleh itu, dalam perbualan orang Melayu mesej yang ingin disampaikan oleh penutur seakan ditapis terlebih dahulu. Percakapan yang tidak langsung ini dapat dilihat dari aspek sosiolinguistik dan juga aspek pragmatik penggunaan bahasa. Hal ini memberi tugas yang berat kepada pendengar untuk mengetahui hajat penutur. Pendengar diminta menyaring, mencanai dan membongkar mesej yang cuba disampaikan oleh penutur. Terpulanglah kepada pendengar untuk memahami mesej-mesej yang tersirat ketika berlangsungnya komunikasi. Teori Relevans adalah teori yang mementingkan pemprosesan maklumat mampu membantu pendengar memahami penggunaan implikatur dalam filem yang dikupas secara saintifik.

Kajian ini cuba meneliti persepsi yang selalu digambarkan bahawa masyarakat Melayu amat mengutamakan dan memelihara kesopanan dan kesantunan ketika berkomunikasi (berimplikatur) dalam apa jua situasi dan dalam semua aspek kehidupan. Data tentang implikatur dipetik daripada ujaran dalam filem Seniman Agung Tan Sri P.Ramlee

Kesimpulannya, implikatur adalah elemen penting dalam perbualan sebab implikatur menentukan wujud atau tidak kerjasama antara penutur dengan pendengar dalam sesuatu perbualan. Penggunaan bahasa yang sering diselindungkan maknanya memang menjadi budaya orang Melayu secara turun temurun termasuklah implikatur sendiri. Orang Melayu terkemudian mengekalkan budaya kerana kemahiran berimplikatur nyata dapat

menghasilkan satu bentuk perbualan yang begitu bersopan dengan tidak menjaskankan makna sebenar yang ingin disampaikan.

Bidang pragmatik merupakan ilmu yang mengkaji interpretasi sesuatu ujaran yang merangkumi penginterpretasian ayat yang taksa dan eliptik, perkataan yang kabur, dan sebagainya. Makna implisit sesuatu ujaran akan diketahui jika ia mengambil kira maksud sebenar yang dihajati oleh penutur terhadap sesuatu ujaran yang diucapkannya. Secara lebih jelas, bidang pragmatik mengkaji makna penutur, makna mengikut konteks, makna yang terselindung di sebalik sesuatu ujaran dan interpretasi pendengar terhadap sesuatu ujaran yang diucapkan. Pragmatik merupakan ilmu yang berkaitan dengan ilmu sosiolinguistik, neurolinguistik, dan psikolinguistik. Dengan menggunakan pendekatan pragmatik, maksud sebenar sesuatu ujaran atau pengucapan akan diketahui. Apabila ujaran difahami oleh pendengar, bermakna penutur telah berjaya dalam komunikasinya dan membolehkan pendengar bertindak balas terhadap apa-apa yang didengarnya. Hal ini akan menjadikan proses komunikasi berjalan lancar tanpa sebarang gangguan atau sekatan.

Secara umumnya, Levinson (1987) mentakrifkan bidang pragmatik sebagai ilmu yang bersangkutan dengan ilmu sosiolinguistik, neurolinguistik, dan psikolinguistik. Manakala secara lebih khusus, pragmatik ialah teori berkenaan dengan interpretasi ujaran, yang antara lain termasuk penginterpretasian ayat yang taksa, yang eliptik dan sebagainya (Nor Hashimah, 1992b:22). Dengan disiplin pragmatik, makna implisit sesuatu

ujaran akan diperoleh selain melihat hajat sebenar si penutur terhadap ujaran yang disampaikannya.

Kajian pragmatik memberi penjelasan tentang cara bahasa itu digunakan dan pentafsiran makna berdasarkan penggunaan ungkapan dalam pelbagai konteks. Untuk mengetahui dan memahami makna sebenar sesuatu ujaran, kajian pragmatik mampu menyelesaikan masalah ketaksaan, masalah kecaburan di samping mencari rujukan serta berusaha menyampaikan maklumat yang tidak lengkap.

Leech (1993) melihat pendekatan pragmatik sebagai satu cara seseorang berkomunikasi untuk menyelesaikan masalah dalam komunikasi.

Menurutnya:

“...Seseorang penutur, sebagai seorang yang ingin menjalankan perhubungan, harus menyelesaikan masalah...konsep perhubungan seperti ini akan mendorong kita untuk menggunakan pendekatan retorik untuk mengkaji pragmatik.” (1993: xiii).

Selanjutnya, beliau menegaskan bahawa pendekatan pragmatik membenarkan usaha penutur melaksanakan tujuannya, yang pada masa yang sama terbatas dengan pelbagai kendala, yang dikenakan oleh pelbagai prinsip dan maksim sebagai penentu tingkah laku komunikasi yang baik.